

Jaga adab di tempat kerja

» Dr Muhaya hasilkan buku motivasi, beri panduan fahami cabaran wanita berkerjaya



Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof afzan@bh.com.my

Bukan mudah sebagai ibu dan isteri bekerja. Selain memastikan kehidupan keluarga sentiasa dalam keadaan harmoni, urusan kerja juga seharusnya beres.

Berhenti dan menumpukan seluruh kehidupan kepada rumah tangga, bukan pilihan terbaik, apatah lagi sekiranya pendapatan suami tidak mencukupi, selain isteri memiliki kepakaran yang boleh dikongsi untuk pembangunan masyarakat.

Pakar motivasi, Dr Muhaya Mohamad memahami cabaran dilalui wanita berkerjaya, justeru, katanya cara terbaik memastikan kedua-dua lapangan cemerlang ialah dengan memperbetulkan niat, menyempurnakan ikhtiar dan sabar dalam menghadapi segala dugaan hidup.

Perbetul niat
Katanya, perbetulkan niat kita bekerja kerana Allah. "Saya pasti dengan niat itu, segala kesusahan dan kerisauan meninggalkan rumah untuk keluar mencari rezeki akan dilindungi Allah," katanya ketika ditemui selepas pelancaran buku motivasi Hubungan Ketua & Pekerja: Bagaimana Membahagiakannya, pada Pesta

Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2015, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), baru-baru ini.

Buku karya Dr Muhaya dilancarkan oleh Penandang Kursi Kepimpinan Islam Tuan Guru Mohd Yassin, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof Tan Sri Dzulkifli Abdul Razak.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Mohd Khair Ngadiron.

Dr Muhaya mempunyai klinik mata, Pusat Mata dan Lasik Prof Muhaya, di Kajang, Selangor, selain aktif sebagai penceramah motivasi, inspirasi dan pendakwah serta pengacara rancangan bual bicara di stesen televisyen.

Kualiti kehidupan

Dr Muhaya berkata, disebabkan lebih 50 peratus masa wanita berada di luar rumah, mereka perlu menjaga adab di tempat kerja termasuk menjaga pergaulan dengan rakan sekerja dan orang sekeliling, sama ada dari aspek komunikasi, pergaulan serta pembawaan diri.

"Kualiti kehidupan kita bergantung kepada kualiti komunikasi. Pengaruh dan kuasa 'perkataan' memberi kesan tujuh peratus kepada individu, intonasi (38 peratus) dan bahasa badan (55 peratus). Jagalah komunikasi, jangan berkasar dan terlalu lembut hingga menampakkan gaya

sumbang," katanya.

Dalam buku itu, Dr Muhaya turut berkongsi panduan yang boleh dimanfaatkan oleh individu bekerja di setiap peringkat atau organisasi. Malah, ia sesuai dijadikan rujukan kepada remaja yang sedang mencari dan membentuk imej diri.

Turut diselitkan ialah panduan untuk individu bekerja dengan menerangkan secara terperinci mengenai sikap positif yang perlu ada dalam diri ketua dan pekerja untuk mewujudkan dunia pekerjaan yang lebih optimistik.

Sumber rujukan

Sementara itu, Dzulkifli berkata, beliau bangga dengan kebolehan Dr Muhaya yang meluaskan cabang ilmu dan pengalamannya dalam bidang penulisan.

"Bidang itu di luar kepakaran Dr Muhaya sebagai pakar mata. Tulisan Dr Muhaya diharap dapat menjadi sumber rujukan yang boleh dimanfaatkan oleh golongan pekerja dan ketua syarikat

dalam menangani pelbagai isu seperti perbezaan ideologi memba-bitkan mereka dalam syarikat.

"Buku ini diharap dapat digunakan sebagai bimbingan, teguran dan panduan kepada ketua serta pekerja dalam usaha membaiki hubungan kedua-dua pihak," katanya ketika berucap pada perasmian buku berkenaan.



Dari kiri: Dzulkifli, Mohd Khair dan Dr Muhaya pada majlis pelancaran buku Hubungan Ketua & Pekerja: Bagaimana Membahagiakannya baru-baru ini.

Aura penulis mampu tarik pembaca

Aura dimiliki Dr Muhaya mendorong Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) untuk menerbitkan buku motivasi, Hubungan Ketua & Pekerja: Bagaimana Membahagiakannya untuk memberi manfaat kepada pembaca.

Mohd Khair berkata, penerbitan buku itu juga seiring menyambut usaha dan matlamat negara untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020 yang memerlukan pekerja berkualiti, berdedikasi serta efisien.

"Dalam membina syarikat yang kukuh dan berjaya, kesepakatan, nilai murni serta positif perlu ada dalam setiap pekerja, tidak kira di peringkat atasan sehinggalah di bahagian sokongan.

Panduan dan landasan

"Buku ini diharap menjadi panduan bagi landasan membina hubungan harmoni antara pekerja dengan majikan dalam membentuk modal insan bagi meningkatkan produktiviti dan bersedia untuk

menempuhi alam pekerjaan," katanya.

Mohd Khair berkata, sebanyak 10 peratus daripada penerbitan ITBM membabitkan buku motivasi dan berharap aura dimiliki Dr Muhaya akan melariskan buku berkenaan.

Sebanyak 7,000 naskhah diterbitkan dengan 2,000 daripadanya berkulit keras.

